

Pemberian lesen bazar Ramadan sudah diteliti – Dr Zaliha

PUTRAJAYA - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sudah meneliti pelbagai aspek dalam pemberian lesen bazar Ramadan di ibu negara tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, proses berkaitan sudah dilaksanakan DBKL bagi memastikan peniaga layak dan ingin berniaga mendapat lesen beroperasi di bazar berkenaan.

“Yang keduanya (kita teliti) penyelenggaraan bazar Ramadan. Saya yakin ini (aspek pemberian lesen dan penyelenggaraan bazar) akan berjaya,” katanya selepas menghadiri Program Car Free Day (CFD) di sini pada Ahad.

Ketika ditanya terdapat isu tertentu dibangkitkan persatuan peniaga berhubung tapak bazar Ramadan, beliau berkata pihaknya tidak menerima sebarang aduan daripada pihak berkaitan.



DR ZALIHA

“Setakat ini tak ada (isu), saya nampak mereka ada juga bertemu dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif untuk membincangkan beberapa perkara,” katanya.

Terdahulu, Dr Zaliha berkata, DBKL akan menguruskan sepenuhnya hal berkaitan permohonan lesen perniagaan dan penyelenggaraan bazar Ramadan di ibu negara bermula tahun ini bagi memasti-

kan penjaja mendapat harga sewaan tapak berpatutan selain pengurusan lebih baik.

Mengenai CFD, beliau berkata, pihaknya berhasrat memanjangkan tempoh program berkenaan kepada sehari berbanding hanya beberapa jam ketika ini.

“Kita akan cuba melihat juga bukan hanya setakat sejam tetapi satu hari. Yang ini kita sedang kaji dan kalau ia mendapat sambutan, maka kita akan memperluaskan lagi,” katanya. -Bernama